

INTERNET



Lima Pembohongan
TERBESAR Perniagaan

INTERNET

By: Amirul Faisyal, SistemRahsia.com

By: Amirul Faisyal, SistemRahsia.com

© 2007-2008. SistemRahsia.com. Segala Hakcipta Terpelihara

SistemRahsia.com adalah tanda niaga Sistem Strategik Resources (SA0064093-T)

Penafian

Pihak SistemRahsia dan penulis, Mohd Amirul Faisyal tidak akan bertanggungjawab di atas segala kesan jangka pendek mahupun jangka panjang yang dialami pembeli kesan dari menggunakan cara yang ditunjukkan di dalam manual ini secara langsung atau tidak langsung.

Juga dimaklumkan bahawa manual ini dihasilkan untuk memberi pengajaran dan menyalurkan maklumat umum mengenai subjek yang dibincangkan. Strategi dalam manual ini mungkin tidak sesuai untuk setiap individu dan tidak dijamin dapat membawa sebarang pulangan tertentu kepada semua pihak. Dan penulis tidak menjamin bahawa maklumat yang terkandung di dalam manual ini adalah tepat dan lengkap. Segala perubahan adalah diluar kemampuan penulis.

Penafian Pendapatan

Segala usaha telah dilakukan untuk memastikan segala informasi adalah tepat pada masa manual ini ditulis. Segala pengakuan dan bukti pendapatan boleh disahkan sekiranya terdapat permintaan. Hasil yang ditunjukkan serta testimonial-testimonial adalah dari mereka-mereka yang telah berusaha sebaik mungkin untuk menjana pendapatan sama seperti yang ditunjukkan. Segala bukti pendapatan BUKANLAH jaminan hasil yang digunakan akan sama dengan yang dipaparkan. Ianya bergantung kepada usaha, latarbelakang, tahap pemahaman, motivasi dan kegigihan yang membawa kepada kejayaan seseorang individu. Sama seperti perniagaan lain, ianya terdapat risiko dan pihak kami sama sekali tidak menjamin sebarang keuntungan dari sistem ini.

Laporan Ini PERCUMA. Anda digalakkan supaya menyebarkan panduan ini untuk menyedarkan orang ramai tentang BAHAYANYA pembohongan ini jika ianya terus berleluasa.

**LIMA Pembohongan TERBESAR Perniagaan
Internet v.1.0**

**Selamatkan Diri Anda Dari Menjadi Salah
Seorang Dari MANGSA Pembohongan Ini!**

Anda dijanjikan wang berjuta-juta dari
Internet...kekayaan sekelip mata dari
Internet, namun...

AMARAN !

...tidak semuanya BENAR, dan hakikatnya
kebanyakannya adalah pembohongan
semata. Ketahui lima pembohongan
TERBESAR tersebut...*secara langsung* di
dalam laporan ini.

Salam sejahtera,

Ianya berada disekeliling anda, sedar atau tidak ianya sedang 'menguasai' anda. Ya, **janji-janji manis**, kononnya hidup anda akan berubah melalui Internet.

Dengan Internet, anda boleh **menjadi jutawan dalam sekelip mata**.

Dengan Internet, **kononnya esok lusa wang berjuta-juta akan jatuh ke riba anda dalam sekelip mata**.

Dengan Internet...pelbagai lagi mitos-mitos yang dilontarkan, memberi seribu satu janji manis kepada anda, bahawa kekayaan itu akan menjadi realiti dalam masa yang singkat.. melalui Internet.

Anda dihidangkan dengan 'kisah-kisah manis' jutawan-jutawan Internet, yang pada akhirnya hanya meninggalkan impian kepada anda, dan anda terumbang-ambing mencari halatuju anda sendiri.

Ketahuiilah, **ada yang benar dan ada yang tidak**. Dan pada hari ini, terus ke mata hidung anda sendiri, anda akan 'dihidangkan' dengan **lima pembohongan TERBESAR mengenai perniagaan Internet**.

Pastikan anda membacanya dalam keadaan yang tenang, tanpa sebarang gangguan luar kawalan anda. Fokus 101% kepada apa yang akan saya laporkan kepada anda ini. Kerana ia mungkin akan mengubah cara berfikir anda, *mind-set* anda terhadap penjanaaan kekayaan melalui Internet.

Semoga 'kesilapan lama' tidak berulang lagi, untuk kali yang kedua. Semoga anda tidak akan tertipu lagi dengan janji-janji manis kekayaan segera melalui Internet.

Amirul Faisyal,
SistemRahsia.com

p.s: Apa yang ditulis di dalam laporan ini adalah hasil dari pengalaman saya yang telah melalui zaman pahit dan manis menjalankan perniagaan Internet sendiri, dan pengamatan saya terhadap situasi yang pernah berlaku di dalam masyarakat Malaysia sendiri berkaitan dengan perniagaan dan penjanaaan wang melalui Internet.

Pembohongan # 1 : Apa Saja Produk Yang Anda Jual PASTINYA Akan Terjual Sekaligus Laris Di Pasaran!

TIDAK sama sekali.

Jika terdapat mana-mana 'guru' perniagaan Internet yang berkata demikian di dalam seminar perniagaan Internet mereka, sila tinggalkan seminar mereka dengan segera.

Minta kembali wang anda (jika terdapat *refund* di dalam polisi mereka).

Inilah pembohongan yang teramat nyata di dalam perniagaan Internet. Jika anda memiliki *mind-set* sebegini, sila betulkan dengan segera. Ini kerana..

Produk Yang Anda Jual YANG MEMPUNYAI PERMINTAAN TINGGI DI DALAM PASARAN Yang Pastinya Akan Terjual!

Jangan sesekali membuat tanggapan yang produk yang anda akan jual akan mendapat sambutan dari pembeli.

Never assume.

Katakan anda menjual produk batik, anda membuat anggapan yang produk anda akan laku di pasaran US kerana disana disebabkan produk anda sukar didapati, maka ianya akan mendapat sambutan.

Tidak sama sekali.

Sebelum melaksanakan sesuatu idea baru, apa yang anda perlu lakukan adalah menanyakan diri anda sendiri;

- 1. Adakah produk anda mempunyai permintaan?**
- 2. Jika YA, adakah produk anda mudah dijumpai di pasar biasa (offline) atau tidak?**
- 3. Adakah produk anda menyelesaikan masalah-masalah di dalam pasaran anda?**

Formula ringkas untuk membina sesebuah produk sebelum memasarkannya di dalam pasaran target adalah;

1. Memasuki mana-mana pasaran, cuba untuk memahami pasaran tersebut dengan menyertai kumpulan perbincangan mereka seperti online forum, message board, dan juga group-group seperti Yahoo! Group dan juga Google Group.
2. Ketahui masalah UTAMA pasaran yang anda masuki tersebut.
3. Dalami masalah mereka, dengan cara melakukan kajian seperti *online survey*. Cara ini boleh dilakukan samada dengan melakukan secara *direct* di forum tersebut atau mengumpulkan *list* emel prospek (melalui teknik *squeeze page* dan mengiklankannya melalui *Google Adwords* atau *signature files* di forum).

Tanyakan soalan seperti 'Apakah masalah TERBESAR anda _ _ _ _ _?' Sebagai contoh disini, saya pernah menggunakan soalan 'Apakah yang menyebabkan anda masih lagi tidak menjana pendapatan melalui Internet?' semasa melakukan kajian untuk membina produk SistemRahsia versi 2.0 saya.

4. Setelah anda mengumpulkan soalan-soalan dari prospek anda, tiba masanya anda mencari PENYELESAIAN kepada masalah mereka. Ia samada anda mencipta produk anda sendiri atau menggunakan produk orang lain seperti promosi *affiliate* atau membeli pakej *Resell Rights* atau *PLR (Private Label Rights)*.

Tugas anda seterusnya adalah MENJUAL! Ulangi proses yang sama untuk pasaran *niche* lain, atau anda boleh fokus kepada *niche* sedia ada dengan menambah pelbagai lagi pilihan produk (back-end selling).

NOTA: Di dalam panduan [TeknikNiche](#), saya akan menceritakan kepada anda dengan LEBIH MENDALAM lagi bagaimana untuk mencari sesuatu pasaran *niche*, menentukan samada pasaran tersebut menguntungkan, dan juga banyak lagi! Anda boleh mendaftar dengan menjadi VIP List TeknikNiche di: www.TeknikNiche.com

Pembohongan # 2 : Anda Perlu Pakar Dalam Kod HTML dan Kemahiran Teknikal Lain Sebelum Boleh Memulakan Perniagaan Internet Anda Sendiri.

Saya mungkin akan 'dihentam' oleh beberapa usahawan Internet kerana pembohongan kedua ini.

Satu lagi **pembohongan yang nyata**. Secara jujurnya, sehingga kini saya masih lagi tidak tahu bagaimana untuk meletakkan kod *autoresponder* dengan baik pada laman web saya dan tidak pandai untuk memasang skrip *affiliate* ke laman web SistemRahsia saya, namun pada masa yang sama saya telah menjana pendapatan lebih dari 5 angka dari laman web tersebut!

Kunci disini adalah : **Fokus kepada kekuatan yang anda ada, yang lainnya, gunakan kekuatan orang lain yang lebih mahir dalam subjek tersebut.**

Sebagai contoh jika anda seorang penulis *ebook*, dan kekuatan anda adalah di dalam penulisan manakala kelemahan anda adalah bahagian teknikal, jangan fokus kepada kelemahan anda.

Fokus kepada kekuatan anda menulis isi kandungan *ebook* tersebut. Terlalu memikirkan hal-hal yang diluar keupayaan anda akan menjejaskan tumpuan anda kepada kekuatan anda, yakni penulisan.

Jadi apa penyelesaiannya?

Gunakan teknik *leverage*!

Leverage Other People's Expertise

Leverage Other People's Time

Leverage Other People's Money

Mungkin ada di antara anda pernah mendengar apa yang saya nyatakan diatas. Ya, ianya telah banyak dibincangkan oleh Robert Kiyosaki di dalam siri buku *RichDad* nya.

Saya tidak mahu mengulangi apa yang diperkatakan oleh beliau, namun apa yang saya ingin tekankan disini adalah menggunakan teknik ***leverage other people's expertise*** adalah penyelesaian terbaik untuk mengatasi kelemahan anda dari segi kemahiran teknikal.

Anda boleh pilih, samada untuk menggunakan wang atau tidak di dalam situasi ini. Jika anda mempunyai modal yang lebih, menggunakan wang sebagai pertukaran mungkin tidak menjadi masalah bagi anda. Cara ini lebih dikenali sebagai *outsourcing*.

Namun, untuk anda yang kekangan bajet, anda mungkin boleh menggunakan teknik *bartering*, dengan bertukar barang dengan barang.

Sebagai contoh Samad memberikan khidmat mereka logo untuk laman web anda, dan sebagai balasan yang setimpal dengan nilai, anda memberikan khidmat menulis surat jualan secara percuma kepada laman web Samad. Disini tiada wang digunakan, hanyalah servis (atau kelebihan individu) yang menjadi mekanisma pertukaran (yang bijak).

Kenalpasti kekuatan anda, fokus kepada kekuatan tersebut dan jadikan ianya sebagai mekanisma utama anda untuk mengaplikasikan teknik *leverage* ini.

Ingat, tujuan laman web anda adalah **untuk MENJUAL**, dan bukannya untuk memenangi "**Web Design Of The Year Award**".

Jangan rumitkan diri anda dengan mempelajari perkara yang tidak akan membawa kepada manfaat kepada laman web anda.

Pembohongan # 3 : Membeli *Ebook-Ebook* Panduan Internet AKAN Menjadikan Anda jutawan!

"You see, in life, lots of people know what to do but few people actually do what they know. Knowing is not enough! You must take action."

-Anthony Robbins

Ya, mungkin ini boleh ditafsirkan sebagai pembohongan **tahap nyata**.

Hukum alam. Jika anda hanya membeli, membaca, membeli lagi dan membaca, TANPA tindakan, anda sebenarnya tidak akan membina apa-apa kemajuan di dalam perniagaan Internet anda.

Anda mungkin kaya dari segi pengetahuan, tetapi anda tidak kaya dari segi tindakan.

Anda tahu cara A akan membantu anda meningkatkan jualan ke laman web anda, namun atas sifat sentiasa 'dahagikan ilmu', anda menanggungkan cara yang anda baca tersebut untuk mempelajari cara seterusnya di dalam ebook terbaru yang baru dilancarkan di pasaran.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Tidak kiralah betapa **hebatnya** sesebuah ebook panduan itu, walaupun ianya membongkarkan rahsia sebenar bagaimana untuk anda menjadi jutawan di dalam masa tiga tahun, jika anda tidak mempraktikkan ilmu yang diajarkan di dalam ebook tersebut, ianya hanyalah pelaburan yang tiada apa-apa pulangan untuk anda.

*You gain the knowledges but you never get your return on investment (ROI), simply because you didn't **TAKE ACTION**.*

***NOTA:** Saya sama sekali **TIDAK** menghalang anda untuk membeli mana-mana ebook yang diterbitkan dipasaran. Malah salah satu perniagaan Internet saya juga adalah model produk digital ebook. Masalah disini adalah, anda **JANGAN** hanya membeli dan membaca, akan tetapi **MEMPRAKTIKKAN** apa yang diajarkan di dalam ebook tersebut.

Tambahan: Satu kajian telah dilakukan terhadap sistem pelajaran pada tahun 1969 untuk mengkaji tahap keberkesanan kaedah-kaedah pembelajaran.

Maka dari situ terciptalah 'Cone Of Learning' (Pencipta asal: Edgar Dale) yang menunjukkan bahawa tahap paling rendah di dalam pembelajaran adalah **membaca** manakala tahap tertingginya pulang adalah **mengambil tindakan**. Lihat betapa **jauhnya perbezaan antara membaca sahaja dan mengambil tindakan**.

CONE OF LEARNING

WE TEND TO REMEMBER OUR LEVEL OF INVOLVEMENT

(developed and revised by Bruce Hyland from material by Edgar Dale)



Edgar Dale, *Audio-Visual Methods in Teaching* (3rd Edition). Holt, Rinehart, and Winston (1969).

Pembohongan # 4 : Menghantar Emel-emel SPAM Akan Menjadikan Produk Anda Laris Sekaligus Anda Akan Kaya!



Menghantar emel SPAM tidak akan menjadikan anda jutawan dalam sekelip mata. Percayalah.

Lagi satu pembohongan TIDAK BERETIKA.

Tidak, anda tidak akan menjadi jutawan dengan menghantar emel kepada mereka yang anda sendiri pun tidak kenal, dan saya ada alasan mengapa saya berkata begitu:

"Bayangkan Anda Sekarang Seorang SPAMMER Tegar..."

1. Anda akan membazirkan masa anda sahaja menghantar emel promosi sebegini. Selain dari emel anda akan memasuki *folder* SPAM, anda juga sebenarnya seolah-olah bertindak seperti jurujual yang masuk kerumah prospek TANPA memperkenalkan diri terus masuk ke dalam rumah mereka.

Jika situasi ini berlaku pada diri anda (atau ahli keluarga anda) yang lain, adakah anda masih lagi boleh bersabar dengan penjual tersebut? Jika TIDAK, situasinya samalah seperti 'mangsa-mangsa' SPAM anda.

2. Kredibiliti perniagaan anda akan tercalar. Ya, sudahlah mempromosikan produk secara melulu, kini kredibiliti perniagaan anda sendiri akan tercalar.

Usah bicara akan penjenamaan, kerana mereka yang berjaya membina jenama yang baik dan dipercayai di Internet TIDAK SAMA SEKALI menggunakan teknik *spamming* untuk mempromosikan produk-produk mereka.

3. Anda menyusahkan 'mangsa-mangsa' anda. Emel mereka digunakan untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan yang mereka kenal, bukannya untuk menerima emel-emel produk yang kadangkala tiada langsung kaitan dengan mereka. Sungguh memenatkan untuk mereka memadam emel-emel SPAM anda, bukan?

Penyelesaian

Saya menghentam perlakuan *sumbang* SPAM ini tidaklah bermakna saya membenci teknik pemasaran melalui emel ini. Tidak sama sekali. Saya sendiri menggunakan teknik ini dan telah menjana beribu-ribu Ringgit darinya.

Namun apa yang saya praktikkan disini bukanlah SPAM, tetapi teknik pemasaran emel yang lebih dikenali sebagai *permission marketing*.

Saya mendapat kebenaran dahulu dari pemilik emel untuk menghantar sebarang emel-emel samada berbentuk promosi atau tidak kepada mereka.

Saya juga memberikan mereka pilihan andainya mereka tidak berminat lagi untuk menerima emel-emel saya, mereka boleh berhenti dengan satu klik sahaja.

Caranya dengan membina *mailing list* anda dengan cara yang betul. Anda boleh mendapatkan emel-emel mereka, dengan menggunakan teknik pertukaran nilai. Iyalah, untuk anda mendapat alamat emel mereka, tentunya anda perlu memberikan sesuatu yang sama nilainya dengan emel mereka, kan?

Gunakan perisian yang betul. **Bukannya** perisian seperti *email harvester*, *email blaster* dan lain-lain yang digunakan oleh para *spammer*.

Gunakanlah perisian-perisian pengurusan *mailing list* yang mematuhi **Akta CAN-SPAM (Controlling the Assault of Non-**

Solicited Pornography and Marketing Act) 2003. Contoh perisian cadangan industri adalah seperti;

GetResponse.com

Aweber.com

EmailAces.com

Ya, walaupun anda perlu membayar sedikit untuk menggunakan perkhidmatan ini, ianya adalah lebih baik dari menggunakan teknik *spamming* yang pastinya tidak akan membawa sebarang manfaat di dalam pembinaan kredibiliti dan jenama perniagaan anda sendiri.

Bacaan Tambahan:

Definisi Spammer menurut Wikipedia:

<http://en.wikipedia.org/wiki/Spammer>

Definisi Email address harvesting menurut Wikipedia:

http://en.wikipedia.org/wiki/E-mail_address_harvesting

Akta CAN-SPAM (Controlling the Assault of Non-Solicited Pornography and Marketing Act) 2003:

<http://www.ftc.gov/bcp/online/pubs/buspubs/canspam.shtm>

***Tambahan: Pembohongan Tahap Sederhana**

Selain dari pembohongan #4 diatas, satu lagi pembohongan yang saya rasakan patut didedahkan disini adalah...

Memanjangkan emel 'wasiat' dan jika anda bertuah anda akan menerima sedikit harta yang diwasiatkan tersebut!

Subject: RE: UK Requirement

Ya its true..

They had already deposited in my bank a/c..

From: San khala , Suresh Singh

Sent: Monday, July 18, 2005 12:48 PM

Subject: UK Requirement

Dear Friends,

Pl ease do not take this for a junk letter. Bill Gates is sharing his fortune. If you ignore this you will repent later. Microsoft and AOL are now the largest Internet companies and in an effort to make sure that Internet Explorer remains the most widely used program, Microsoft and AOL are running an e-mail beta test.

When you forward this e-mail to friends, Microsoft can and will track it (i f you are a Microsoft Windows user) for a two week time period.

For every person that you forward this e-mail to, Microsoft will pay you \$245.00, for every person that you sent it to that forwards it on, Microsoft will pay you \$243.00 and for eve ry th ird person that receives it, you will be paid \$241.00. Within two week! s, Microsoft will contact you for your address and then send you a cheque.

hi

Jika difikirkan secara logik, anda pasti dalam berfikir yang TIADA manusia yang terlalu baik untuk memberikan wang mereka kepada individu yang mereka sendiri tak kenal!

Cukup, anda punyai akal kurniaan tuhan, fikirkanlah sebaik-baiknya. Cukup untuk saya memberitahu anda yang ini adalah **pembohongan semata-mata!**

Pembohongan # 5 : Anda Boleh Menjadi Seperti Saya, Menjana Pendapatan Sehingga RM 30,000 Dalam Masa 30 Hari Dengan Hanya Goyang Kaki Sahaja!



"There is no fast, effortless way to make money. Get-rich-quick schemes only work for the person selling them. Don't waste a minute of your life trying cut corners or create financial shortcuts. Chasing the will-o'-the-wisp of the quick buck is the surest way to DESTROY your character and undermine your career."

-Brian Tracy, World Renownest Sales Trainer.

Satu lagi pembohongan mirip seakan-akan program 4D (Duduk Diam Dapat Duit).

Apa yang saya dapat ulas disini, YA, memang anda boleh menjana wang sejumlah begitu banyak, TETAPI dengan syarat:

1. Anda telah berada di dalam satu *niche* pilihan anda, dan menjadi antara *leading player* di dalam pasaran tersebut.
2. Saiz *mailing list* anda adalah berjumlah seramai 100, 000 orang atau lebih.
3. Anda membelanjakan lebih dari RM 10, 000 setiap minggu di Google Adwords, memiliki pelbagai kempen di dalam pelbagai *niche* untuk program-program *affiliate* dan juga rangkaian CPA.

4. Dan banyak lagi.

Tiga contoh diatas adalah kesimpulan terbaik untuk menyatakan anda boleh menjana pendapatan sebegitu lumayan, seperti menjana RM30, 000 dalam masa seminggu sahaja!

Ini kerana mereka mempunyai satu persamaan:

"Mereka telah berpengalaman dan berkepakaran di dalam bidang yang mereka ceburi."

Jika anda baru mengenali dunia Internet, lantas diberikan janji-janji manis RM30, 000 dalam masa 3 hari, 3 minggu ataupun 30 hari...

"JANGAN Berjalan, Sebaliknya Lari JAUH-JAUH!"

Jika anda sendiri baru mengenali apa itu HTML, apa itu *autoresponder*, apa itu *Pay Per Click*, adalah lebih baik anda memfokuskan diri anda kepada menambah ilmu pengetahuan anda kepada perkara-perkara asas yang anda WAJIB tahu sebelum memulakan sesebuah perniagaan Internet.

Berhenti dari membeli 'impian-impian' kosong ini, samada ianya di dalam bentuk video, ebook dan sebagainya.

Saya tidaklah berkata ianya TIDAK mustahil, tetapi adalah TIDAK sesuai untuk anda yang masih lagi *tercari-cari tapak sendiri* untuk memulakan perniagaan Internet anda sendiri.

Dengan kata lain, jika anda merangkak, jangan memilih untuk terus berlari. Anda perlu berjalan terlebih dahulu, barulah anda boleh berlari, bukan?

Tepuk dada tanya kemampuan, keyakinan, dan pengetahuan anda sebelum menetapkan sesuatu target.

*Menurut Dan Lok, seorang guru pemasaran 'direct response' antarabangsa, beliau menyatakan terdapat **7 tahap** bagi seorang usahawan Internet itu. Tanya adalah;*

Tahap 1 - The Mooches

Secara ringkas, 'The Mooches' adalah mereka yang:

- Mempercayai Internet bukanlah tempat untuk menjana sebarang pendapatan; Internet hanyalah tempat untuk berseronok.
- Kemahiran yang rendah di dalam teknik pemasaran.
- Kurangnya motivasi untuk berjaya.
- Bersikap rendah diri dan takut untuk mencuba.
- PERCAYA bahawa kekayaan itu adalah kebetulan sahaja dan bukannya hasil dari kemahiran dan kerja keras.

Tahap 2 - The Wanna-Be

'The Wanna-Be' berada diatas sedikit dari 'The Mooches'.

Dan mereka di dalam bahagian 'The Wanna-Be' ini memiliki sifat dan personaliti seperti:

- Sama seperti 'The Mooches', yakni kurangnya motivasi untuk berjaya.
- Mahu wang tetapi tidak tahu bagaimana untuk mendapatkannya.
- Gagal untuk bertanggungjawab ke atas segala tindakan didalam hidup mereka.
- Mudah menjadi mangsa penipuan *scam*. Golongan ini melaburkan wang mereka di dalam peluang-peluang murah, mempercayai kononnya akan membawa kekayaan kepada mereka suatu hari ini.

Tahap 3 - The Pretend To Be

Golongan 'The Pretend To Be' ini boleh diibaratkan sebagai mereka yang bekerja keras TETAPI tidak mengambil sebarang pengajaran dari hasil usahanya.

Bermakan golongan ini, jika mereka gagal, mereka tidak membuat sebarang kajian atau *post mortem* mengapa mereka gagal.

Akhirnya mereka asyik melakukan kesilapan yang sama, kononnya mereka bekerja keras, tetapi masih tidak lagi berjaya.

Golongan ini *Work Hard*, tetapi tidak *Work Smart*. Ciri-ciri golongan ini adalah seperti;

- Mereka cakap banyak, namun pada hakikatnya mereka tidaklah melakukan apa yang mereka cakapkan itu. *They just don't walk the talk.*
- Kurang keberanian dan takut kepada ketidaktahuan.
- Mereka hidup di dalam sangkaan mereka sendiri yang salah. Mereka mempercayai adanya masa yang sesuai dan tidak untuk melakukan sesuatu. Hakikatnya mereka tidak tahu SEKARANG adalah masa yang paling tepat!

Tahap 4 - The Newbie

Di tahap keempat ini adalah tahap untuk 'The Newbie'. 'The Newbie' mempunyai sikap-sikap yang sangat positif seperti keinginan untuk mempelajari ilmu-ilmu baru, mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan, namun kekurangan pengalaman.

Golongan ini mempunyai pegangan tersendiri iaitu **"If you want something done, you gotta do it yourself."** Ini bermakna mereka akan melakukan KESEMUA kerja-kerja berkaitan perniagaan mereka, dan secara langsung ianya tidak memberi peluang kepada mereka untuk memperkembangkan perniagaan mereka.

Ciri-ciri untuk golongan 'The Newbie' ini adalah;

- Kebanyakan dari usahawan Internet JATUH di-level ini.
- Mereka keliru dengan pendekatan yang betul untuk memasarkan sesuatu produk.
- Kurangnya pemahaman terhadap asas di dalam pemasaran.
- Tiada visi. Gagal untuk melihat perniagaan mereka dari segi jangka panjang.

Tahap 5 - The Marketer

'The Marketer' telah mencapai tahap dimana mereka hampir mencapai kejayaan tersendiri. Mereka telah menjana pendapatan akan tetapi mereka kurang dari segi **cita-cita untuk membina sebuah perniagaan berasaskan Internet, dan bukannya hanya memiliki laman web yang menjana pendapatan sahaja.**

Mereka ini mempunyai ciri-ciri seperti;

- Takut untuk keluar dari zon selesa mereka, walaupun menjana pendapatan yang tinggi dari Internet.
- Kebanyakan memilih untuk 'bermain untuk tidak kalah' dari 'bermain untuk MENANG'.
- Memiliki perniagaan yang berpotensi untuk dibawah ke tahap seterusnya.

Tahap 6 - The Master

'The Master' adalah jutawan. Mereka mempunyai pendapatan 6 angka setahun. Mereka adalah *leader* di dalam industri mereka. Mereka berpengalaman bekerja di dalam pelbagai jenis perniagaan.

Keupayaan utama 'The Master' adalah, mereka boleh memasuki mana-mana sahaja *niche*, walaupun *niche* yang mereka masuki itu bukanlah *niche* kepakaran mereka dan mereka tiada pengalaman di dalam pasaran *niche* tersebut.

Ciri-ciri mereka dibahagian 'The Master' adalah seperti;

- Mereka meng-*outsource* hampir keseluruhan perniagaan mereka kecuali pemasaran.
- Tidak pernah berhenti belajar-sentiasa ingin menambah ilmu dan membuat pelaburan untuk diri sendiri.
- Mempunyai visi yang jelas dengan apa yang mereka inginkan.
- Percaya pada diri sendiri dan keupayaan yang mereka ada.

Tahap 7 - The Entrepreneur

Inilah tahap terakhir didalam hirarki seorang usahawan Internet, 'The Entrepreneur'.

'The Entrepreneur' adalah mereka yang telah mencapai kejayaan tertinggi di dalam hidup mereka.

Mereka menggaji individu-individu yang lebih cemerlang dari mereka untuk memastikan kejayaan perniagaan mereka.

Ciri-ciri 'The Entrepreneur' adalah mereka yang;

- Memiliki visi dan sifat keusahawanan yang tinggi.
- Membawa perniagaan mereka menjadi *public*.
- Sentiasa meningkatkan modal.

- Menggaji pengurus professional untuk menjalankan perniagaan mereka.

Penyelesaiannya disini, BUKAN sahaja anda membaca senarai tahap-tahap di atas, apa yang anda MESTI lakukan adalah;

"Tahu Tahap Anda Sendiri"

Ketahui tahap anda. Ketahui kemampuan anda. Ketahui pasaran anda. Fokus kepada kekuatan anda dan JANGAN sesekali cuba untuk mendapatkan sebarang formula (kononnya) untuk cepat kaya dengan bergoyang kaki sahaja.

TERKINI :Elakkan Diri Anda Dari Menyertai Skim Ini

Kini saya dapat melihat satu 'trend' baru **scammers** di Malaysia untuk mengaut duit anda dengan 'mudah'. Caranya adalah dengan membina laman web yang bercirikan dibawah:

- Konsep 'reseller'
- Menggunakan kaedah 'forced matrix' (kononnya setiap reseller akan mampu menjana pendapatan sehingga RM XX, XXX dengan mudah.
- Menggunakan ebook-ebook berbayar usahawan Internet lain sebagai produk utama mereka.
- Menjual ebook dan perisian lain secara pukal.

JANGAN SERTAI SKIM-SKIM SEPERTI INI!

Maaf jika tulisan saya sedikit besar. Namun itulah pendirian saya. Dan dibawah adalah SEBAB mengapa saya berpendirian sedemikian:

- Program ini menggunakan produk orang lain TANPA kebenaran pemilik produk tersebut.
- TIADA langsung sebarang nama pemilik laman web/program diletakkan didalam laman web tersebut.
- Dari situ ia jelas menunjukkan bahawa pemilik program ini DENGAN MUDAH AKAN MELARIKAN WANG ANDA sekiranya terdapat sebarang masalah dikemudian hari. Iyalah, siapa yang hendak dipersalahkan, kan?
- TIADA faedah kepada anda. Skim-skim sebegini biasanya akan menguntungkan penganjur-penganjurnya sahaja. Bukankah lebih baik anda mencipta produk anda sendiri daripada menjual hak orang lain, lagi banyak untung yang anda akan dapat, kan?

Jadi, adakah anda ingin berurusan dengan mereka yang TIDAK dikenali seperti penganjur program-program reseller seperti diatas?

Fikir-fikirkanlah.

Kesimpulannya...

Setelah anda dibentangkan dengan lima pembohongan ini, saya amatlah berharap ia dapat memperbaiki *mind-set* anda, sekaligus dapat menghindarkan anda dari menjadi salah seorang dari mangsa penipuan-penipuan *SCAM* di Internet.

Business is still business.

Perniagaan Internet tiada bezanya dengan perniagaan konvensional.

Perlu kerja keras, konsisten, fokus, dan tidak mudah putus asa. Maaf sedikit ber-*cliche*, namun inilah realitinya.

Moga dengan pendedahan melalui laporan ini, anda selepas ini...

"TIDAK Akan Lagi Menjadi MANGSA Penipuan Skim-Skim Cepat Kaya"

Saya boleh memilih untuk menyenaraikan satu persatu skim-skim cepat kaya ini, namun ini bukanlah tujuan saya menulis laporan ini.

***NOTA:** Jika anda mempunyai sebarang kemusykilan untuk menyertai sesuatu program yang anda rasakan lebih terarah kepada skim cepat kaya, hantarkan kemusykilan anda (dengan JELAS) ke *support* SistemRahsia saya, insyaAllah pihak saya akan memberi cadangan dan jawapan yang terbaik yang akan membantu anda menyelesaikan kemusykilan tersebut. Saya boleh dihubungi melalui:

www.SistemRahsia.com/support

Laporan ini bertujuan untuk mendidik anda bagaimana untuk membina sebuah *mind-set* perniagaan yang betul dan beretika.

Anda kini telah ditunjukkan jalan, sekarang semuanya tertakluk kepada diri anda sendiri.

Berfikir dahulu sebelum menyertai peluang-peluang kekayaan jangka pendek.

Semoga sejarah lama tidak akan berulang lagi. Wassalam.

"Keep away from people who belittle your ambitions. Small people do that, but the really great make you feel that you, too, can become great."

-Mark Twain-

"He who is not courageous enough to take risks will accomplish nothing in life."

-Muhammad Ali-

Sumber-Sumber Tempatan Yang DIAKUI Berkualiti:

1. **Pakej SistemRahsia versi 2.0** - Pakej Melipatgandakan Pendapatan Internet Anda!
www.SistemRahsia.com/v2
2. **Pakej Web Jualan** - Panduan membangunkan sebuah laman web jualan yang dinamik (minisite) yang mempunyai ciri - ciri sistem program affiliate, autoresponder, borang tempahan serta borang hubungi. Pengguna dapat membangunkan sebuah laman web dengan konsep yang paling mudah dan murah tetapi telah terbukti efektif dan berkesan.
www.WebJualan.com
3. **Panduan Kit Blogger** - Bina blog dot com anda sendiri dengan merujuk Panduan Kit Blogger yang mudah difahami, lengkap, langkah demi langkah dan terbukti membantu.
www.BloggingSteps.com/kit
4. **Pakej PanduanAffiliate.com** - Manual untuk meningkatkan traffik ke laman web anda tanpa usaha promosi anda sendiri. Langkah demi langkah memasang skrip affiliate ke laman web perniagaan Internet anda.
www.PanduanAffiliate.com
5. **VideoPercuma.com** - Kenapa Bayar..? Bila Boleh Tonton Percuma..! Video berkaitan Nama Domain, Webhosting, Blog, Forum dan Banyak Lagi. Dibawakan khas kepada anda oleh usahawan Internet dari Malaysia sendiri.
www.VideoPercuma.com/r/zamri